

Bina struktur lapis pelindung

Kota Bharu: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan membina struktur lapis pelindung di kawasan tebing Pantai Pulau Kundur, di sini, yang berdekatan rumah penduduk.

Ia bagi mengurangkan risiko hakisan dan banjir di kawasan itu yang turut membahayakan penduduk terutama ketika fenomena air pasang besar.

Pengarah JPS Kelantan Shahimi Shariff berkata, pi-

haknya ketika ini menunggu peruntukan bagi pembinaan struktur itu yang diperbuat daripada batu atau blok konkrit.

“Surat permohonan untuk peruntukan tambahan bagi pembinaan ini dikemukakan kepada ibu pejabat dan kami menunggu kelulusannya.

“Sebaik peruntukan diterima, kita mulakan kerja pembangunan struktur itu di kawasan rumah pendu-

duk terjejas sepanjang 250 meter,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Shahimi berkata, penggunaan struktur lapis pelindung adalah langkah jangka pendek bagi mengurangkan impak fenomena air pasang.

Katanya, ia juga boleh bertahan untuk tempoh lama sebelum langkah jangka panjang diambil termasuk membina tembok pemecah ombak.